

Gen Y di UPM



GAMBAR atas, Neelofa menyampaikan ceramah motivasi di Karnival Gen-Y. Gambar kecil, Othman.

■ 1,000 pelajar pelbagai fakulti diberi pendedahan dunia kewartawanan

Oleh Nurul Halifah

Hamiruddin

am@mediaprime.com.my

Serdang

Lokasi kedua Karnival Xpresi Gen Y yang berlangsung semalam di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, diserbu lebih 1,000 pelajar dari pelbagai fakulti.

Rata-rata pelajar yang ditemui meluahkan rasa bangga kerana universiti mereka terpilih sebagai lokasi pilihan selain membuka peluang untuk mencungkil bakat dalam bidang penulisan. Di samping berpeluang memenangi wang tunai RM200 menerusi pertandingan #shareMYcolelah.

Turut hadir memeriahkan karnival, Pengarang Eksekutif (Berita) Harian Metro, Othman Mamat, penceramah profesional Surain A Victor dan selebriti terkenal, Neelofa Mohd Nor.

Ceramah yang diadakan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi itu mendedahkan dunia sebenar kewartawanan kepada pelajar.

Karnival yang julung kali diadakan ini bertujuan memperkenalkan lagi sisa-sisa Gen Y khususnya kepada golongan mahasiswa dan kompen terbaru Coca-Cola.

Karnival sehari ini memberi kesempatan kepada pelajar menjadi ejen Gen Y yang mempunyai banyak keistimewaan buat mahasiswa yang terpilih.

Menurut seorang pelajar, Nurul Farah Che Md Heir, 21, karnival ini adalah pendekatan terbaik untuk mendekati warga kampus UPM selain memberi mereka peluang bertemu artis terkenal tanah air.

"Di samping itu, kami juga dapat berkongsi dengan kru Gen Y mengenai isu remaja dan maklumat terkini melalui pembukaan

kami juga dapat berkongsi dengan krew Gen Y mengenai isu berkaitan remaja dan maklumat terkini melalui pembukaan 'booth Gen Y'"

Nurul Farah

gerai Gen Y," katanya.

Kakitangan UPM, Norathia Amalina Zulkifli, 20, berkata, pertandingan anjuran Coca-Cola berjaya menarik perhatian remaja selain dapat bergambar percuma bagi memenangi hadiah wang tunai.

"Saya sekadar suka-suka menyertai pertandingan jika kerap diadakan lebih menyeronokkan selain dapat akhbar Harian Metro percuma hari ini," kata dia.